

AKUAN BERKANUN

Saya

(Nama dalam huruf cerai besar)

No. Kad Pengenalan

Beralamat

(Alamat perniagaan atau kediaman)

selaku

*(Nyatakan taraf dalam syarikat misalnya
Pengarah atau Pengurus atau Setiausaha)*

bagi

(Nyatakan nama syarikat)

satu pertubuhan perbadanan yang mempunyai alamat perniagaan yang

didaftarkan

(Nyatakan alamat perniagaan yang didaftarkan)

dengan ikhlas dan sesungguhnya bersumpah bahawa:

- (a) Salinan memorandum dan artikel persatuan bagi syarikat kami yang dilampirkan bersama-sama Akuan Berkanun ini sebagai **Lampiran 'A'** adalah salinan yang sah;
- (b) Salinan kunci kira-kira yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir

(Nyatakan tahun dan haribulan) yang dilampirkan bersama-samaAkuan Berkanun ini sebagai **Lampiran 'B'** adalah salinan yang sah;

- (c) Syarikat kami atau syarikat induk, anak syarikat dan syarikat bersekutu kami tidak pernah terlibat dengan mana-mana projek perumahan terbengkalai, atau engkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah yang belum diselesaikan atau pernah digulungkan melalui perintah mahkamah;
- (d) Syarikat kami tidak pernah melakukan kesalahan pemajuan perumahan yang didenda oleh mahkamah berjumlah RM 10,000.00 atau lebih;
- (e) Semua syarikat arkitek, peguam dan jurutera yang dilantik oleh syarikat kami tidak dibatalkan atau disenaraihitamkan oleh badan-badan profesional masing-masing di bawah Akta Arkitek 1967, *Legal Profession Act, 1976* atau Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (sewaktu permohonan ini dibuat);
- (f) Syarikat kami akan tetap mematuhi kepada Peruntukan Seksyen 15, Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966;
- (g) Syarikat kami *ada/tiada bercadang mengusahakan *semua/sebahagian pemajuan perumahan di atas tanah yang dimiliki oleh syarikat pemaju perumahan lain;
- (h) Syarikat kami mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksana dan menyiapkan sepenuhnya cadangan pemajuan perumahan ini; dan
- (i) Tiada sesiapa pun ahli lembaga pengarah, pengurus, setiausaha, dan lain-lain jawatan yang setaraf dengannya di dalam syarikat kami atau syarikat induk, anak syarikat, syarikat bersekutu dan mana-mana proksi kepada syarikat kami;
 - (i) pernah disabitkan atas sesuatu kesalahan melakukan penipuan atau kecurangan;
 - (ii) merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
 - (iii) merupakan seorang yang telah menggantungkan bayaran hutangnya kepada siputang-piutangnya;
 - (iv) pernah didenda oleh mahkamah berjumlah RM10,000.00 dan lebih atau dipenjarakan akibat tidak mampu membayar denda RM10,000.00 dan lebih;
 - (v) pernah menjadi ahli lembaga pengarah, pengurus, setiausaha atau melibatkan diri dalam mana-mana syarikat pemaju perumahan yang digulungkan melalui perintah mahkamah atau yang terlibat dengan projek terbengkalai dan engkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah.

Dan saya memperakukan Akuan ini dengan penuh keinsafan dan kepercayaan butir-butir yang diberikan di atas adalah benar, serta mengikut kehendak-kehendak yang diperuntukkan di dalam Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperakukan dan ditandatangani
oleh yang dinamakan di atas

di Negeri _____

pada _____

Dihadapan saya :

.....

(Pesuruhjaya Sumpah)